



PEMERINTAH MENYEDIAKAN KIRA-KIRA \$2.2 BILION UNTUK MEMBANTU WARGA SINGAPURA DENGAN PENYESUAIAN MEDISHIELD HAYAT

Majlis MediShield Hayat telah membuat saranan awal untuk faedah MediShield Hayat ditingkatkan, dan untuk premiumnya disesuaikan seajarnya. Sementara perundingan awam berkenaan saranan faedah yang ditingkatkan masih berterusan, Pemerintah telah menjanjikan lebih kurang \$2.2 bilion untuk subsidi dan sokongan premium selama 3 tahun mendatang untuk premium MediShield Hayat Penduduk Singapura khususnya, akibat kesan COVID-19 terhadap warga dan ekonomi Singapura. Dengan sokongan ini, peningkatan premium bersih untuk semua Penduduk Singapura akan ditetapkan pada tahap 10% pada tahun pertama.

Usaha Sokongan Premium Yang Sedia Ada

2. Sejak 2015, Pemerintah telah menyediakan perkara-perkara yang berikut dalam usaha untuk memastikan premium termampu oleh warga Singapura:
 - a. Pendanaan untuk merangkumi segolongan yang dahulunya tidak di bawah lindungan MediShield Hayat, agar memudahkan pengalihan liputan menyeluruh;
 - b. Subsidi premium sehingga 50% untuk golongan berpendapatan rendah atau pertengahan;
 - c. Tambahan subsidi antara 5% dengan 10%¹ (dari 2019); untuk golongan Generasi Merdeka (MG)
 - d. Subsidi istimewa antara 40% dengan 60%¹; untuk Generasi Perintis (PG)
 - e. Subsidi Peralihan untuk semua warga Singapura untuk empat tahun pertama; dan
 - f. Tambahan Sokongan Premium (APS) untuk membantu golongan miskin membayar premium mereka.

Jumlah sebanyak \$3.1 bilion telah dibelanjakan sepanjang empat tahun ini untuk membantu Penduduk Singapura dengan premium mereka.

3. Melangkah ke hadapan, Pemerintah akan terus menyediakan sokongan premium melalui subsidi premium, subsidi MG/PG dan APS, yang dianggarkan bernilai \$1.8 bilion selama tiga tahun mendatang selepas diambil kira penyesuaian awal. Tambahan pula, warga emas PG dan MG buat masa ini menerima penambahan tahunan dalam MediSave nilai tambah yang boleh digunakan untuk membayar premium MediShield Hayat. Warga emas PG dan MG menerima \$200 setiap tahun daripada 2019 hingga 2023. Warga emas PG menerima antara \$200 dengan \$800 setiap tahun bagi seumur hidup mereka.

¹ Subsidi ini meningkat selari dengan usia PG dan MG.

Subsidi COVID-19 Sekali beri

4. Untuk mengurangkan lagi kesan penyesuaian premium yang disarankan pada waktu yang luar biasa ini, Pemerintah akan menyediakan subsidi COVID-19 sekali beri untuk semua warga Singapura. Pemerintah akan memberikan subsidi sebanyak 70% daripada jumlah bersih peningkatan premium (selepas diambil kira premium sedia ada) pada tahun pertama, diikuti dengan 30% pada tahun berikutnya.

5. Subsidi COVID-19 sekali beri ini berjumlah \$360 juta untuk dua tahun mendatang. Dengan diambil kira langkah-langkah sokongan premium yang sedia ada, premium bersih meningkat untuk semua warga Singapura dan akan ditetapkan pada 10% untuk tahun pertama.

6. Menteri Kesihatan, Encik Gan Kim Yong, berkata, “Sejak dilancarkan, MediShield Hayat telah meningkatkan perlindungan untuk bil hospital yang tinggi, dan memberikan jaminan yang lebih baik kepada warga Singapura. Subsidi sedia ada disediakan untuk warga Singapura berpendapatan rendah hingga sederhana, warga emas MG dan PG dan sokongan tambahan untuk premium dan berterusan untuk membantu menjadikan premium termampu untuk warga Singapura. Semua ini jumlahnya kira-kira \$1.8 bilion untuk tiga tahun mendatang. Dengan kesan COVID-19 ke atas ekonomi, Pemerintah akan menyediakan jumlah tambahan \$360 juta melalui subsidi COVID-19 sekali beri untuk membantu warga Singapura dengan bayaran premium mereka semasa tempoh luar biasa ini. Secara total, kita telah menyediakan belanjawan kira-kira \$2.2 bilion untuk subsidi dan sokongan premium untuk tiga tahun mendatang. Warga Singapura yang masih menghadapi kesukaran dengan premium-premium mereka boleh memohon Sokongan Premium Tambahan. Tiada sesiapa yang akan kehilangan perlindungan MediShield Hayat kerana kesukaran kewangan.”

Sila rujuk [Lampiran A](#) untuk butiran tambahan berkenaan premium indikatif bersih selepas diambil kira sokongan tambahan Pemerintah ini.

KEMENTERIAN KESIHATAN
29 SEPTEMBER 2020

Jadual A1: Jadual Indikatif Premium MediShield Hayat yang disemak (Warga Singapura) pada 2021

Umur Pada Hari Lahir Akan Datang	Premium Semasa Sebelum Subsidi (\$)	Premium Semakan Sebelum Subsidi (\$)	Subsidi Premium MediShield Hayat untuk golongan berpendapatan Rendah ke Sederhana, dan subsidi sekali bayar COVID (\$)							
			Berpendapatan Rendah		Berpendapatan Sederhana Rendah		Berpendapatan Sederhana Tinggi		Berpendapatan Tinggi	
			Semasa	Semakan	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan
1 – 20	130	145	98	101	104	108	111	115	130	135
21 – 30	195	250	147	159	156	170	166	180	195	212
31 – 40	310	390	233	251	248	268	264	284	310	334
41 – 50	435	525	305	324	327	347	348	370	435	462
51 – 60	630	800	441	477	473	511	504	545	630	681
61 – 65	755	1020	491	543	529	585	567	626	755	835
66 – 70	815	1100	530	586	571	631	612	676	815	901
71 – 73	885	1195	576	636	620	685	664	734	885	978
74 – 75	975	1320	634	702	683	755	732	809	975	1079
76 – 78	1130	1530	678	750	735	813	791	875	1130	1250
79 – 80	1175	1590	705	780	764	845	823	910	1175	1300
81 – 83	1250	1675	750	827	813	896	875	965	1250	1378
84 – 85	1430	1935	858	949	930	1028	1001	1108	1430	1582
86 – 90	1500	2025	825	912	900	995	975	1078	1500	1658
> 90	1530	2055	765	844	842	929	918	1013	1530	1688

Nota:

1. Subsidi Premium dan subsidi COVID sekali beli untuk golongan berpendapatan sederhana rendah (Tahun 1) diaplikasikan pada gambar rajah ini. Subsidi Tambahan untuk Generasi Merdeka dan Subsidi Generasi Perintis tidak disertakan.
2. Subsidi Premium untuk warga Singapura yang tinggal di hartanah dengan Nilai Tahunan sebanyak \$3,000 atau kurang. Mereka yang berhartanah yang mempunyai Nilai Tahunan antara \$13,001 dengan \$21,000P akan menerima 10 mata peratusan kurang subsidi sementara mereka yang mempunyai hartanah yang bernilai tahunan melebihi \$21,000 tidak akan menerima subsidi premium. Orang perseorangan yang mempunyai lebih daripada satu hartanah tidak layak menerima subsidi premium. Warga tetap Singapura menerima separuh daripada subsidi premium untuk warga Singapura.
3. Berpendapatan-Rendah merujuk golongan yang mempunyai per kapita dapatan bulanan seisi rumah sebanyak \$1,200 atau kurang. Berpendapatan Sederhana Rendah merujuk individu yang per kapita dapatan bulanan seisi rumah antara \$1,201 hingga \$2,000. Berpendapatan Sederhana Tinggi merujuk individu yang mempunyai dapatan per kapita dapatan bulanan seisi rumah sebanyak \$2,001 hingga ke \$2,800.
4. Premium yang disemak berdasarkan jadual indikatif dan mungkin akan disemak lanjut

Jadual A2: Jadual Indikatif Premium MediShield Hayat yang disemak (Warga Singapura) pada 2023

Umur Pada Hari Lahir Akan Datang	Premium Semasa Sebelum Subsidi (\$)	Premium Semakan Sebelum Subsidi (\$)	Premium MediShield Hayat setelah Subsidi Premium untuk Golongan berpendapatan rendah ke Sederhana. (\$)							
			Berpendapatan Rendah		Berpendapatan Sederhana Rendah		Berpendapatan Sederhana Tinggi		Berpendapatan Tinggi	
			Semasa	Semakan	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan
1 – 20	130	145	98	109	104	116	111	124	130	145
21 – 30	195	250	147	188	156	200	166	213	195	250
31 – 40	310	390	233	293	248	312	264	332	310	390
41 – 50	435	525	305	368	327	394	348	420	435	525
51 – 60	630	800	441	560	473	600	504	640	630	800
61 – 65	755	1020	491	663	529	714	567	765	755	1020
66 – 70	815	1100	530	715	571	770	612	825	815	1100
71 – 73	885	1195	576	777	620	837	664	897	885	1195
74 – 75	975	1320	634	858	683	924	732	990	975	1320
76 – 78	1130	1530	678	918	735	995	791	1071	1130	1530
79 – 80	1175	1590	705	954	764	1034	823	1113	1175	1590
81 – 83	1250	1675	750	1005	813	1089	875	1173	1250	1675
84 – 85	1430	1935	858	1161	930	1258	1001	1355	1430	1935
86 – 90	1500	2025	825	1114	900	1215	975	1317	1500	2025
> 90	1530	2055	765	1028	842	1131	918	1233	1530	2055

Nota:

1. Subsidi Premium dan subsidi COVID sekali beli untuk golongan berpendapatan sederhana rendah (Tahun 1) diaplikasikan pada gambar rajah ini. Subsidi Tambahan untuk Generasi Merdeka dan Subsidi Generasi Perintis tidak disertakan.
2. Subsidi Premium untuk warga Singapura yang tinggal di hartanah dengan Nilai Tahunan sebanyak \$3,000 atau kurang. Mereka yang berhartanah yang mempunyai Nilai Tahunan antara \$13,001 dengan \$21,000P akan menerima 10 mata peratusan kurang subsidi sementara mereka yang mempunyai hartanah yang bernilai tahunan melebihi \$21,000 tidak akan menerima subsidi premium. Orang perseorangan yang mempunyai lebih daripada satu hartanah tidak layak menerima subsidi premium. Warga tetap Singapura menerima separuh daripada subsidi premium untuk warga Singapura.
3. Berpendapatan-Rendah merujuk golongan yang mempunyai per kapita dapatan bulanan seisi rumah sebanyak \$1,200 atau kurang. Berpendapatan Sederhana Rendah merujuk individu yang per kapita dapatan bulanan seisi rumah antara \$1,201 hingga \$2,000. Berpendapatan Sederhana Tinggi merujuk individu yang mempunyai dapatan per kapita dapatan bulanan seisi rumah sebanyak \$2,001 hingga ke \$2,800.
4. Premium yang disemak berdasarkan jadual indikatif dan mungkin akan disemak lanjut

Table A3: Jadual Indikatif Premium MediShield Hayat yang disemak (Warga Emas Generasi Merdeka) pada 2021

Umur Pada Hari Lahir Akan Datang	Premium MediShield Hayat setelah Subsidi Premium, Subsidi Generasi Merdeka dan Subsidi Sekali bayar Covid-19. (\$)							
	Berpendapatan Rendah		Berpendapatan Sederhana Rendah		Berpendapatan Sederhana Tinggi		Berpendapatan Tinggi	
	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan
61 – 65	453	501	491	543	529	585	718	793
66 – 70	489	541	530	586	571	631	775	856
71 – 73	531	587	576	636	620	685	841	930
74 – 75	585	648	634	702	683	755	927	1025
76 – 78	565	625	622	688	678	750	1017	1125
79 – 80	588	650	647	715	705	780	1058	1170
81 – 83	625	689	688	758	750	827	1125	1240
84 – 85	715	791	787	870	858	949	1287	1424
86 – 90	675	746	750	829	825	912	1350	1492
> 90	612	675	689	760	765	844	1377	1519

Nota:

1. Subsidi Premium dan subsidi COVID sekali beli untuk golongan berpendapatan sederhana rendah (Tahun 1) diaplikasikan pada gambar rajah ini. Subsidi Tambahan untuk Generasi Merdeka dan Subsidi Generasi Perintis tidak disertakan.
2. Subsidi Premium untuk warga Singapura yang tinggal di hartanah dengan Nilai Tahunan sebanyak \$3,000 atau kurang. Mereka yang berhartanah yang mempunyai Nilai Tahunan antara \$13,001 dengan \$21,000P akan menerima 10 mata peratusan kurang subsidi sementara mereka yang mempunyai hartanah yang bernilai tahunan melebihi \$21,000 tidak akan menerima subsidi premium. Orang perseorangan yang mempunyai lebih daripada satu hartanah tidak layak menerima subsidi premium. Warga tetap Singapura menerima separuh daripada subsidi premium untuk warga Singapura.
3. Berpendapatan-Rendah merujuk golongan yang mempunyai per kapita dapatan bulanan seisi rumah sebanyak \$1,200 atau kurang. Berpendapatan Sederhana Rendah merujuk individu yang per kapita dapatan bulanan seisi rumah antara \$1,201 hingga \$2,000. Berpendapatan Sederhana Tinggi merujuk individu yang mempunyai dapatan per kapita dapatan bulanan seisi rumah sebanyak \$2,001 hingga ke \$2,800.
4. Premium yang disemak berdasarkan jadual indikatif dan mungkin akan disemak lanjut.

Jadual A4: Jadual Indikatif Premium MediShield Hayat yang disemak (Warga Emas Generasi Merdeka) pada 2023

Umur Pada Hari Lahir Akan Datang	Premium MediShield Hayat setelah Subsidi Premium dan Generasi Merdeka (\$)							
	Berpendapatan Rendah		Berpendapatan Sederhana Rendah		Berpendapatan Sederhana Tinggi		Berpendapatan Tinggi	
	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan	Semasa	Semakan
61 – 65	453	612	491	663	529	714	718	969
66 – 70	489	660	530	715	571	770	775	1045
71 – 73	531	717	576	777	620	837	841	1136
74 – 75	585	792	634	858	683	924	927	1254
76 – 78	565	765	622	842	678	918	1017	1377
79 – 80	588	795	647	875	705	954	1058	1431
81 – 83	625	838	688	922	750	1005	1125	1508
84 – 85	715	968	787	1065	858	1161	1287	1742
86 – 90	675	912	750	1013	825	1114	1350	1823
> 90	612	822	689	925	765	1028	1377	1850

Nota:

1. Subsidi Premium untuk golongan berpendapatan rendah-ke sederhana-rendah dan subsidi Generasi Merdeka tidak disertakan dalam jadual ini.
2. Subsidi Premium untuk warga Singapura yang tinggal di hartanah dengan Nilai Tahunan sebanyak \$3,000 atau kurang. Mereka yang berhartanah yang mempunyai Nilai Tahunan antara \$13,001 dengan \$21,000P akan menerima 10 mata peratusan kurang subsidi sementara mereka yang mempunyai hartanah yang bernilai tahunan melebihi \$21,000 tidak akan menerima subsidi premium. Orang perseorangan yang mempunyai lebih daripada satu hartanah tidak layak menerima subsidi premium. Warga tetap Singapura menerima separuh daripada subsidi premium untuk warga Singapura.
3. Berpendapatan –Rendah merujuk golongan yang mempunyai per kapita dapatan bulanan seisi rumah sebanyak \$1,200 atau kurang. Berpendapatan Sederhana Rendah merujuk individu yang per kapita dapatan bulanan seisi rumah antara \$1,201 dengan \$2,000. Berpendapatan Sederhana Tinggi merujuk individu yang mempunyai dapatan per kapita dapatan bulanan seisi rumah sebanyak \$2,001 hingga ke \$2,800.
4. Angka yang ditayangkan tidak mengambil kira penambahan MediSave untuk Generasi Merdeka dari 2019 hingga 2023.
5. Premium yang disemak berdasarkan jadual indikatif dan mungkin akan disemak lanjut

Jadual A5: Jadual Indikatif Premium MediShield Hayat yang disemak pada tahun 2021 (Warga Emas Generasi Perintis)

Umur Pada Hari Lahir Akan Datang	Premium MediShield Hayat Semasa sebelum Subsidi (\$)	Premium MediShield Hayat setelah disemak selepas PG dan subsidi COVID-19 sekali beri (\$)
71 – 73	491	543
74 – 75	498	551
76 – 78	518	573
79 – 80	537	594
81 – 83	566	624
84 – 85	616	681
86 – 90	615	680
> 90	612	675

Nota:

1. Subsidi Generasi Perintis dan subsidi Covid sekali bayar (Tahun 1) diaplikasikan dalam jadual ini.
2. Angka-angka yang dipaparkan tidak disertakan penambahan tahunan MediSave dan penambahan untuk Generasi Perintis.
3. Premium yang disemak berdasarkan jadual indikatif dan mungkin akan disemak lebih lanjut

Table A6: Jadual Indikatif Premium MediShield Hayat yang disemak pada tahun 2023 (Warga Emas Generasi Perintis)

Umur Pada Hari Lahir Akan Datang	Premium MediShield Hayat Semasa setelah Subsidi (\$)	Premium MediShield Hayat setelah disemak selepas PG (\$)
71 – 73	491	663
74 – 75	498	674
76 – 78	518	701
79 – 80	537	727
81 – 83	566	759
84 – 85	616	833
86 – 90	615	831
> 90	612	822

Nota:

1. Hanya Subsidi Generasi Perintis disertakan dalam jadual ini.
2. Angka-angka yang dipaparkan tidak disertakan penambahan tahunan MediSave dan penambahan untuk Generasi Perintis.
3. Premium yang disemak berdasarkan jadual indikatif dan mungkin akan disemak lebih lanjut